



**DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 3/2024 (Pindaan No. 1)**

1. Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 3/2024 dipinda seperti berikut:

1.1. Merujuk kepada Jadual 2 –

i) Memotong butiran (d) di ruang perkhidmatan bercukai dan ruang penetapan kadar cukai perkhidmatan bagi Kumpulan A, B & E dan menggantikan dengan butiran berikut:

<b>Perkhidmatan Bercukai</b>	<b>Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan</b>
(d) Penyediaan atau penjualan—	
1. Rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak	<b>8%</b>
2. Minuman beralkohol (termasuk <i>temperance drink</i> )	<b>8%</b>
3. Minuman tidak beralkohol (minuman sedia diminum di dalam botol / pek / tin / kotak dan seumpamanya)	<b>6%</b>

- ii) Memotong butiran (c) di ruang perkhidmatan bercukai dan ruang penetapan kadar cukai perkhidmatan bagi Kumpulan C & D dan menggantikan dengan butiran berikut:

<b>Perkhidmatan Bercukai</b>	<b>Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan</b>
(c) Penyediaan atau penjualan—	
1. Rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak	<b>8%</b>
2. Minuman beralkohol (termasuk <i>temperance drink</i> )	<b>8%</b>
3. Minuman tidak beralkohol (minuman sedia diminum di dalam botol / pek / tin / kotak dan seumpamanya)	<b>6%</b>

1.2. Memasukkan perenggan baharu 5 selepas perenggan 4:

5. Selain itu, penetapan kadar cukai bagi perkhidmatan berikut yang disediakan oleh orang berdaftar Kumpulan A, B, C, D & E adalah pada kadar yang dinyatakan berikut:
- 5.1. Minuman beralkohol yang disediakan bersekali dengan pakej makan minum (seperti bufet/ bankuet) adalah tertakluk pada kadar cukai perkhidmatan 6%;
- 5.2. Caj perkhidmatan lain yang disediakan bagi penyediaan makanan dan minuman seperti *corkage fee* ditetapkan pada kadar 8%;
- 5.3. Penyediaan atau penjualan makanan ringan, buah-buahan dan seumpamanya adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan; dan
- 5.4. Caj perkhidmatan (*service charge*) tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

2. Tarikh kuatkuasa penambahbaikan dasar ini adalah mulai **1 Mac 2024**.
3. Mana-mana **cukai perkhidmatan yang telah dikutip** daripada pelanggan ke atas apa-apa perkhidmatan yang dinyatakan di para 1.1 dan 1.2 bermula 1 Mac 2024 **mesti diremit** kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berdasarkan seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
4. **Tiada bayaran balik (refund) cukai perkhidmatan diluluskan** kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan ke atas apa-apa perkhidmatan yang dinyatakan di para 1.1 dan 1.2 mulai 1 Mac 2024.

**Penafian:**

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI  
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA